

# Bapa, anak lima tahun rentung

**ALOR GAJAH** – Sambutan Hari Raya Aidiladha bagi seorang wanita warga emas suram selepas anak dan cucunya rentung dalam satu kejadian kebakaran di Kampung Cherana Puteh, di sini awal pagi semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 1.50 pagi itu, mangsa, Allahudin Abdul Hamid, 51, dan anaknya, Muhamad Badrol, 5, ditemui rentung oleh pasukan bomba masing-masing di dalam bilik air dan di atas katil utama rumah berkenaan.


Ketika kejadian, hanya dua beranak itu tinggal di rumah berkenaan, manakala isteri Allahudin berada di Kelantan.

Wanita berkenaan, Siti Zainon Abdullah, 85, berkata, dia yang tinggal bersebelahan kediaman anak dan cucunya itu tidak sempat menyelamatkan kedua-dua mangsa kerana api marak dengan cepat.

Katanya, ketika kejadian dia sedang tidur seorang diri di rumahnya sebelum secara tiba-tiba tersedar selepas terasa bahang.

“Dalam keadaan menggigil saya gagahkan diri mengetuk rumah jiran dengan tongkat meminta menyelamatkan Allahudin dan cucu saya yang terperangkap di dalam rumah itu.

“Pada masa sama saya tidak mendengar sebarang bunyi jeritan daripada rumah berkenaan. Jiran juga melarang saya mendekati kediaman berkenaan dan meminta saya menyelamatkan



**KEADAAN rumah yang terbakar mengorbankan seorang lelaki dan anaknya di Kampung Cherana Puteh, Alor Gajah semalam.**



**MUHAMAD BADROL**

diri,” katanya sebak ketika ditemui di Kampung Cherana Puteh, di sini semalam.

Sementara itu, jiran mangsa, Ashak Ujang, 74, berkata, dia pada mulanya menyangka terdapat cubaan pecah masuk rumah selepas mendengar ketukan, namun terkejut saat melihat Siti Zainon dalam keadaan cemas dan menggigil.

“Siti Zainon memberitahu rumah anaknya terbakar, saya bergegas ke lokasi dan nampak api sangat marak sebelum isteri menelefon bomba,” ujarnya.

Tambahnya, dia sempat berjumpa Allahudin kelmarin dan lelaki itu memberitahu, pagar kubur yang sedang disiapkannya adalah sumbangan jariahnya kepada masyarakat setempat.

“Pagar itu dah nak siap, memang dia bagi untuk Tanah Perkuburan Islam Kampung Cherana Puteh yang terletak kurang 100 meter dari rumah kami,” ujarnya.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendan Arshad Abu memberitahu jenazah dua beranak itu dihantar ke Hospital Alor Gajah dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut.